



SUMBANGAN Dr. Biswajeet Pradhan dalam bidang penyelidikan mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Penyelidik UPM diiktiraf

PENSYARAH di Jabatan Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Biswajeet Pradhan dinobatkan sebagai seorang daripada *World's Most Highly Cited Researchers* dalam keluaran terbaharu laporan *Highly Cited Researchers 2016* baru-baru ini.

Laporan itu diterbitkan oleh *Clarivate Analytics*, yang sebelum ini dikenali sebagai *Intellectual Property & Science*, *Thomson Reuters*.

Dr. Pradhan, 41, adalah penyelidik pertama dari UPM yang dinamakan yang menerima anugerah tersebut dan antara enam orang penyelidik dari Malaysia yang disenaraikan dalam laporan 2016 itu sebagai peneraju dan minda saintifik paling berpengaruh dunia oleh *Thomson Reuters*.

Beliau menerima pengiktirafan itu hasil penerbitan kajian saintifik yang banyak, yang disenaraikan dalam ranking tertinggi kelompok satu peratus bagi subjek dan tahun penerbitan. Indeks-H beliau dalam SCOPUS adalah 46.

Laporan *Highly Cited Researchers 2016* itu menilai hampir 130,000 kertas penyelidikan yang diindeks untuk tempoh 11 tahun dari 2004 hingga 2014 melibatkan 22 bidang sains, perubatan dan sains sosial. Senarai 2016 itu mengandungi 3,265 penyelidik.

Dr. Pradhan yang berkhidmat di UPM sejak 2007, berkata, beliau mendapat tahu mengenai pengiktirafan yang

diterimanya itu menerusi makluman menerusi e-mel yang dihantar oleh *Thomson Reuters* kepadanya November lalu.

“Meskipun saya ada menghasilkan beberapa penulisan daripada kajian saintifik, namun pada awalnya tidak percaya apa yang saya baca pada e-mel itu, saya ingatkan ia gurauan.

“Jadi, saya membalas semula e-mel itu untuk kepastian, selepas itu baru saya sedar ia adalah benar,” katanya.

D. Pradhan bersyukur menerima pengiktirafan tinggi itu, lebih-lebih lagi beliau adalah yang pertama dari UPM disenaraikan dalam kalangan antara dalam laporan berkenaan.

“Saya berharap ini boleh menjadi pendorong untuk lebih ramai lagi penyelidik dari UPM berusaha untuk menerima pengiktirafan seumpama itu,” katanya sambil melahirkan penghargaan kepada Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris serta warga UPM atas sokongan yang membolehkannya menerima pengiktirafan itu.

Berpengalaman lebih 16 tahun mengajar dan menjalankan penyelidikan dalam bidang industri, Dr. Pradhan telah menulis 370 artikel dengan 270 daripadanya diterbitkan dalam jurnal antarabangsa.

Bidang pengkhususan beliau adalah penderiaan jauh (*remote sensing*), aplikasi sistem maklumat geografi (GIS), dan teknik *soft computing* berkaitan bahaya daripada alam semula jadi serta masalah alam sekitar.